



# **MOTIVASI RAMADAN HIKMAH DI SEBALIK IBADAH PUASA**



**MOTIVASI RAMADAN**  
**HIKMAH DI SEBALIK IBADAH PUASA**

# **MOTIVASI RAMADAN HIKMAH DI SEBALIK IBADAH PUASA**



**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**

**MOTIVASI RAMADAN: HIKMAH DI SEBALIK IBADAH  
PUASA**

Cetakan Pertama 2023

**©Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Diterbitkan oleh:

**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Dicetak oleh:

**PERCETAKAN HIJRAH**

No.19, (GRD FLOR), Jalan Arowana 4, Kaw Perniagaan Arowana,  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

# KANDUNGAN

<b>Kata Pengantar .....</b>	<b>iii</b>
<b>Pendahuluan .....</b>	<b>v</b>
<b>KEFARDUAN PUASA.....</b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1 .....</b>	<b>1</b>
<b>KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN.....</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2 .....</b>	<b>12</b>
<b>PERISTIWA-PERISTIWA SEJARAH DALAM BULAN RAMADAN .....</b>	<b>12</b>
<b>BAB 3 .....</b>	<b>14</b>
<b>HIKMAH IBADAH PUASA.....</b>	<b>14</b>
1. Mendidik Nafsu dan Kebiasaan Diri .....	15
2. Membentuk Akhlak Mulia .....	19
3. Membina Kesatuan Ummah.....	22
4. Mendidik Rohani, Psikologi dan Sosial .....	23
5. Mengimbangi Kepentingan Jasmani Dan Rohani.	25
<b>BAB 4 .....</b>	<b>28</b>
<b>RAMADAN DAN AL-QURAN .....</b>	<b>28</b>
1. Nuzul al-Quran.....	33
2. Lailatulqadar.....	37

<b>BAB 5:</b> .....	<b>39</b>
<b>MUHASABAH AKHIR RAMADAN</b> .....	<b>39</b>
<b>BAB 6</b> .....	<b>42</b>
<b>SUSULAN RAMADAN</b> .....	<b>42</b>
Aidilfitri – Hari Raya Fitrah.....	46
<b>Penutup</b> .....	<b>50</b>
<b>Rujukan</b> .....	<b>52</b>

## Kata Pengantar

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **MOTIVASI RAMADAN: HIKMAH DI SEBALIK IBADAH PUASA**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan atas nikmat limpah kurniaan-Nya yang tidak terhitung bilangannya dan atas limpah perkenan-Nya jualah, maka Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) dapat menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Motivasi Ramadan: Hikmah Di Sebalik Ibadah Puasa*.

Puasa Ramadan merupakan suatu yang difardukan ke atas setiap umat Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Malah Ramadan itu sendiri membawa pelbagai sejarah dan keistimewaan yang tersendiri. Ibadah puasa bukan sekadar mengajar manusia menahan diri dari lapar dan dahaga semata-mata, tetapi ia juga mengajar umat Islam dalam pelbagai disiplin kehidupan.

Buku Motivasi Ramadan ini, secara ringkasnya memberikan dimensi baru dalam kita memahami hikmah Ramadan itu. Ia menghuraikan beberapa hikmah yang berlaku di sebalik kefarduan puasa itu, serta keistimewaan bulan Ramadan itu sendiri. Mengapakah puasa di fardukan dalam bulan Ramadan? Sudah tentu ada hikmah tersembunyi yang ingin disampaikan.

Semoga keberadaan buku ini dapat membantu kita dalam memahami dan mengenal dengan lebih mendalam akan istimewanya Ramadan dan indahnya ibadah puasa ini. Buku ini juga boleh dijadikan sebagai bahan bacaan di majlis-majlis ilmu atau untuk menyampaikan tazkirah ringkas. Pihak JMNPP mengalu-alukan sebarang teguran dan nasihat bagi penambahbaikan penerbitan ini.

Sekian, terima kasih.

**Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

## Pendahuluan

---

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah ﷻ, Tuhan sarwa alam yang memiliki segala kebesaran dan keagungan. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan Rasulullah ﷺ. Penamat rangkaian rasul dan nabi, juga kepada ahli keluarganya, para sahabatnya serta seluruh pengikutnya dari semasa ke semasa hingga hari kiamat.

Buku kecil yang sedang para pembaca tatap ini merupakan suatu usaha kerdil seorang hamba Allah ﷻ yang cuba menghuraikan beberapa hikmah di sebalik ibadah puasa Ramadan al-Mubarak dan ibadah-ibadah lain yang berkaitan dengan ‘penghulu’ segala bulan ini. Harapan penulis ialah agar kandungan buku ini dapat dijadikan sebagai dorongan, rangsangan dan motivasi ke arah meningkatkan lagi kualiti hidup seorang Muslim di samping memartabatkan kedudukan ummah sesuai dengan saranan Allah ﷻ supaya umat Islam memainkan peranan selaku khalifah-Nya yang mampu menerajui kepimpinan dunia ini.

Firman Allah ﷻ:

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

سورة آل عمران ٣: آية ١١٠

Maksudnya:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah ﷻ (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Surah Ali 'Imran 3: 110)

Adalah amat penting umat Islam memahami hikmah-hikmah yang terkandung dalam perbendaharaan Ramadan, terutama yang berkaitan dengan ibadah puasa yang difardukan Allah ﷻ ke atas umat Islam pada siang bulan yang mulia ini. Demikian juga ibadah-ibadah sunat yang lain digalakkan setiap Muslim untuk mengerjakannya sebagai menghidupkan malam-malam Ramadan.

Apa yang termampu dihuraikan di kesempatan ini hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada hikmah-hikmah tersebut. Sebenarnya para pemikir dan ilmuwan tidak pernah jemu mengkaji dan menyelidik rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah yang terkandung dalam Ramadan. Namun, mata air Ramadan tidak pernah kering atau surut.

Hikmah dan falsafahnya tidak habis walau betapa pun digali dan digerudi oleh akal fikiran manusia.

Hal ini, tidak lain dan tidak bukan ialah kerana bulan Ramadan, puasa Ramadan dan ibadah-ibadahnya bukanlah direka ciptakan oleh manusia atau mana-mana makhluk, tetapi kesemuanya adalah ciptaan Allah ﷻ, Tuhan yang bersifat baqa' atau kekal abadi.

Semoga buku kecil ini bermanfaat kepada para pembacanya juga penulisnya dengan izin Allah ﷻ jua. Selamat membaca.

**Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor**  
**Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

# KEFARDUAN PUASA

## Pensyariatan Puasa

Puasa bulan Ramadan difardukan pada bulan Syaaban tahun kedua Hijrah. Sebelum itu, ibadah puasa telah diamalkan di kalangan umat terdahulu dan ahli kitab yang sezaman dengan Nabi ﷺ.

Firman Allah ﷻ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

سورة البقرة 3: ١٨٣

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa. (Surah al-Baqarah 3: 183)

Rasulullah ﷺ bersabda kepada seorang Badwi yang bertanya kepadanya:

أَخْبِرْنِي مَاذَا فَرَضَ عَلَيَّ مِنَ الصَّوْمِ؟ فَقَالَ: صِيَامُ رَمَضَانَ

(البخارى ومسلم)

Maksudnya:

Beritahulah aku, apakah puasa yang Allah wajibkan ke atas ku? Baginda menjawab: Puasa Ramadan. (Riwayat al-Bukhari: 1792 dan Muslim: 11)

## Syarat Wajib Puasa

**ISLAM**

Tidak wajib bagi orang kafir.

**MUKALLAF**

Islam yang sampai had baligh dan waras fikirannya.

## TIADA SEBARANG KEUZURAN YANG MENGHALANG PUASA ATAU MENGHARUSKANNYA BERBUKA

### Keuzuran yang menghalang puasa

1. Haid dan nifas pada sebahagian waktu siang.
2. Pitam atau gila sepanjang hari. Jika pulih dari siuman walaupun sekejap, dia wajib imsak bagi sepanjang hari tersebut.

### Keuzuran yang mengharuskannya berbuka

1. Penyakit yang memudaratkan pesakit atau menyebabkan penderitaan yang teruk.
2. Perjalanan yang jauh, iaitu tidak kurang daripada 83 kilometer, dengan syarat ia ialah perjalanan yang harus dan berterusan sepanjang hari berkenaan.
3. Tidak berupaya melakukan puasa disebabkan tua atau penyakit yang tiada harapan sembuh.



## Syarat Sah Puasa

### ISLAM

Tidak wajib bagi orang kafir.

### BERAKAL ATAU MUMAIYIZ

Mampu membezakan baik dan buruk.

### TIADA SEBARANG KEUZURAN YANG MENGHALANG PUASA

Pitam dan gila berterusan sepanjang hari serta haid dan nifas.



## Rukun Puasa

### NIAT

#### Syarat Niat Puasa Ramadhan

1. Berniat pada waktu malam.
2. Menentukan jenis puasa.
3. Niat berulang-ulang.

### MENAHAN DIRI DARIPADA PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

#### Makan dan minum

Jika terlupa dirinya berpuasa dan telah makan dan minum, puasanya tidak batal walaupun terlalu banyak benda yang dimakan dan diminumnya.

**Sesuatu benda masuk ke dalam rongga (ruang selepas halkum hingga usus dan tali perut) melalui ruang yang sedia terbuka (mulut, telinga, kemaluan dan dubur bagi lelaki dan perempuan).**

Menggunakan titisan seperti *eye-mo* di mata, tidak membatalkan puasa kerana mata ialah ruang yang terbuka.

Suntikan-suntikan di kulit, urat saraf atau lainnya tidak membatalkan puasa sama ada sama ada untuk rawatan atau nutrisi.

#### Muntah dengan sengaja.

Tetapi puasa seseorang tidak batal sekiranya tiada upaya menahan muntahnya sekalipun dia mengetahui ada sesuatu daripada muntahannya tersebut yang masuk semula ke dalam perutnya dengan tidak sengaja.

#### Mengeluarkan mani.

Keluar air mazi ketika seseorang sedang berpuasa tidak juga membatalkan puasanya sama ada sedikit atau banyak. Walaupun begitu air mazi ialah najis dan wajib dibasuh. Ia berwarna kuning tipis (pucat) yang keluar dari kemaluan tanpa syahwat.

#### Bersetubuh dengan sengaja.

#### Haid dan nifas.

#### Gila dan murtad.



## **Adab Puasa**

**SEGERA BERBUKA**

**BERSAHUR & MELEWATKAN SAHUR**

**MENINGGALKAN KATA-KATA KEJI DAN PERBUATAN YANG MEMBERAHIKAN**

**MANDI JANABAH SEBELUM TERBIT FAJAR**

**MENINGGALKAN BEKAM DI KEPALA, DI BADAN DAN SEUMPAMANYA DAN MERASA MAKANAN DAN MENGUNYAHNYA**

**BERDOA KETIKA BERBUKA**

**MEMBERI JUADAH BERBUKA KEPADA ORANG YANG BERPUASA**

**BANYAKKAN MEMBERI SEDEKAH, MEMBACA & TADARUS AL-QURAN, BERIKTIKAF DI MASJID**

## BAB 1

### KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN

---

Allah ﷻ memilih dan menentukan segala-galanya sebagaimana yang Dia kehendaki. Allah ﷻ memilih orang-orang tertentu menjadi rasul dan nabi, menjadi ketua, pemimpin dan sebagainya. Allah ﷻ juga memilih tempat-tempat tertentu untuk dimuliakan dan Allah ﷻ juga memilih masa-masa tertentu dan hari-hari tertentu sebagai bulan dan hari yang istimewa lagi dimuliakan.

Begitulah juga Allah ﷻ memilih tempat-tempat tertentu yang dijadikan-Nya lebih istimewa daripada tempat-tempat yang lain. Ada kawasan tertentu yang dipilih-Nya sebagai tempat yang diturunkan wahyu-Nya (*Mahbat al-wahy*), sebagai tempat-tempat ibadah yang diberi kemuliaan lebih dari tempat-tempat lain seperti Makkah, Madinah dan *al-Quds* (Bait al-Muqaddis).

Demikian juga masa atau zaman tertentu yang Allah ﷻ telah pilih dan tentukan sebagai masa-masa yang diberkati-Nya atau yang diturunkan rahmat-Nya. Begitu juga masa yang ditentukan sebagai waktu *istijabah* di mana Allah ﷻ menerima atau makbulkan doa dan permohonan para hamba-Nya.

Bulan Ramadan ialah bulan yang telah dipilih, dilebihkan dan diberikan keistimewaan oleh Allah ﷻ berbanding bulan-bulan yang lain serta disebut namanya secara terang dalam al-Quran.

Firman Allah ﷻ :

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ...﴾ (185)

سورة البقرة ٢: آية ١٨٥

Maksudnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...

(Surah al-Baqarah 2: 185)

## **Apakah kelebihan-kelebihan yang ada pada bulan Ramadan?**

Kelebihan-kelebihannya banyak dinyatakan dalam hadis Nabi ﷺ, antaranya ialah hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرُ مَبَارَكٍ، فَارْضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ، وَتُعَلَّقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ، وَتُعَلَّقُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ، لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ

شَهْرٍ، مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ.

(النسائي)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه berkata: Nabi ﷺ bersabda: Telah datang kepada kamu bulan (Ramadan) yang diberkati, Allah ﷻ memfardukan ke atas kamu puasanya, dalam bulan ini dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka, dan dirantai (dibelenggu) syaitan-syaitan, di dalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, barang siapa diharamkan (tidak diberi) kebajikannya sesungguhnya dia diharamkan (amat rugi).<sup>1</sup>

(Riwayat an-Nasa'i)

عَنْ سَلْمَانَ قَالَ: خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي آخِرِ يَوْمٍ مِنْ شَعْبَانَ فَقَالَ: «أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ أَظْلَكُمْ شَهْرٌ عَظِيمٌ، شَهْرٌ مُبَارَكٌ، شَهْرٌ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، جَعَلَ اللَّهُ صِيَامَهُ فَرِيضَةً، وَقِيَامَ لَيْلِهِ تَطَوُّعًا، مَنْ تَقَرَّبَ فِيهِ بِخُصْلَةٍ مِنَ الْخَيْرِ، كَانَ كَمَنْ آدَى فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ، وَمَنْ آدَى فِيهِ فَرِيضَةً كَانَ كَمَنْ آدَى سَبْعِينَ فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ، وَهُوَ شَهْرُ الصَّبْرِ، وَالصَّبْرُ ثَوَابُهُ الْجَنَّةُ، وَشَهْرُ الْمُوَأَسَاةِ، وَشَهْرٌ يَزْدَادُ فِيهِ رِزْقُ الْمُؤْمِنِ، مَنْ فَطَرَ فِيهِ صَائِبًا كَانَ مَغْفِرَةً لِدُنُوبِهِ وَعِثْقَ رَقَبَتِهِ مِنَ النَّارِ، وَكَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْتَقِصَ مِنْ أَجْرِهِ شَيْءٌ»، قَالُوا: لَيْسَ كُلُّنَا نَحْدُ مَا يُفَطِّرُ الصَّائِمَ، فَقَالَ:

<sup>1</sup> No. Hadis: 2106. Lihat an-Nasa'i, Ahmad bin Syaib, (1994), *Sunan an-Nasa'i*, Halab: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah, j. 4, h. 129.

يُعْطِي اللَّهُ هَذَا التَّوَابَ مَنْ فَطَرَ صَائِمًا عَلَى تَمْرَةٍ، أَوْ شَرِبَ مَاءً، أَوْ مَذَّقَهُ  
لَبَنٍ، وَهُوَ شَهْرُ أَوْلِهِ رَحْمَةً، وَأَوْسَطُهُ مَغْفِرَةٌ، وَأَخْرَهُ عِتْقٌ مِنَ النَّارِ.

(ابن خزيمة)

Maksudnya:

Daripada Salman berkata: Rasulullah ﷺ telah menyampaikan khutbah kepada kami pada hari terakhir bulan Syaaban. Nabi ﷺ bersabda: “Wahai manusia, sesungguhnya akan menaungi kamu suatu bulan yang hebat, bulan yang penuh berkat, bulan yang mana dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, Allah ﷻ menjadikan puasanya suatu kefarduan, mendirikan malamnya suatu sunnah, sesiapa yang melakukan amalan sunat daripada perkara kebaikan di dalamnya (bulan Ramadan), sama seperti pahalanya melakukan amalan fardu di bulan-bulan lain, sesiapa yang melakukan amalan fardu (di bulan Ramadan), sama seperti pahalanya menunaikan 70 amalan fardu di bulan-bulan yang lain, bulan ini ialah bulan kesabaran dan balasan bagi mereka yang sabar ialah syurga, bulan ini merupakan bulan menderma dan bulan di mana rezeki orang-orang yang beriman bertambah, sesiapa yang memberi makan (untuk berbuka) orang yang berpuasa maka baginya pengampunan atas dosa-dosanya dan dibebaskan daripada api neraka dan dia mendapatkan pahala yang sama sebagaimana orang yang berpuasa tanpa mengurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa.” Mereka (para sahabat) berkata: “Wahai Rasulullah ﷺ,

tidak semua daripada kami mempunyai sesuatu untuk dihidangkan kepada orang yang berpuasa untuk berbuka.” Rasulullah ﷺ menjawab: “Allah ﷻ akan memberikan pahala ini kepada orang yang memberi untuk berbuka puasa walaupun dengan sebiji kurma, atau seteguk air, atau setitis susu.” Inilah bulan yang permulaannya Allah ﷻ menurunkan rahmat, yang pertengahannya Allah ﷻ memberikan keampunan, dan yang pada akhirnya Allah ﷻ membebaskan hamba-Nya dari api neraka.<sup>2</sup>

(Riwayat Ibnu Khuzaimah)

Demikianlah beberapa kelebihan bulan Ramadan seperti mana yang dijelaskan oleh Rasulullah ﷺ dalam sabdanya. Atas faktor itu, baginda menyambut kedatangan Ramadan dengan penuh keceriaan dan kegembiraan. Baginda mengucapkan tahniah kepada para sahabat serta menggalakkan mereka mengerjakan amalan-amalan ketaatan dan kebajikan di samping banyak bertaubat kepada Allah ﷻ daripada segala dosa dan kesalahan.

Baginda Rasulullah ﷺ juga pernah bersabda:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ - وَهَذَا حَدِيثٌ أَبِي الْحَطَّابِ - قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ ذَاتَ يَوْمٍ وَقَدْ أَهَلَ رَمَضَانَ، فَقَالَ: لَوْ يَعْلَمُ الْعِبَادُ مَا

---

<sup>2</sup> No. Hadis: 1887. Lihat Ibnu Khuzaimah, Abu Bakar Muhammad bin Ishak, (2003), *Shahih Ibnu Khuzaimah*, Beirut: al-Maktab al-Islami, j. 2, h. 911.

رَمَضَانُ لَمَتَّتْ أُمَّتِي أَنْ يَكُونَ السَّنَةَ كُلَّهَا.

(ابن خزيمة)

Maksudnya:

Daripada Abi Mas'ud berkata, daripada Nabi Muhammad ﷺ - hadis ini hadis Abi al-Khattab- : Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda pada suatu hari yakni hari yang bermulanya Ramadan, sabda Baginda. Seandainya umat-umat ku mengetahui apa yang terdapat dalam bulan Ramadan, maka sesungguhnya mereka akan berharap supaya Ramadan itu ialah satu tahun seluruhnya.<sup>3</sup>

(Riwayat Ibnu Khuzaimah)

Sama-samalah kita memohon taufik dan hidayat daripada Allah ﷻ supaya kita dapat melaksanakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain dalam bulan Ramadan al-Mubarak ini dengan sempurna.

### **Bagaimanakah umat Islam pada era salafussalih menyambut kedatangan bulan Ramadan?**

Umat Islam yang hidup pada abad pertama, kedua dan ketiga hijriah dahulu dikenali sebagai generasi salafussalih. Secara berurutan mereka ialah generasi sahabat, diikuti dengan generasi tabiin dan atba' tabiin. Mereka ini dianggap sebagai sebaik-baik generasi bagi umat Islam.

---

<sup>3</sup> No. Hadis: 1886, Lihat an-Naisaburi, Abu Bakar Muhammad bin Ishak, (t.t), *Shahih Ibnu Khuzaimah*, Beirut: al-Maktab al-Islami, j. 3, h. 190.

Dalam menghayati ibadah puasa, setiap kali menjelang bulan Ramadan al-Mubarak, kita dapati mereka menyediakan satu kaedah atau metode tertentu. Mereka hidup bersama Ramadan dengan hati dan emosi mereka. Metode ini sebenarnya telah pun digariskan oleh Rasulullah ﷺ sendiri dalam sabda-sabda baginda.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ رَوَى قَالَ: إِذَا أَصْبَحَ أَحَدُكُمْ يَوْمًا صَائِمًا فَلَا يَرُفُثُ وَلَا يَجْهَلُ فَإِنْ امْرُؤٌ شَاتَمَهُ أَوْ قَاتَلَهُ فَلْيُقِلْ إِلَيَّ صَائِمٌ إِلَيَّ صَائِمٌ.

(مسلم)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ meriwayatkan katanya: Apabila salah seorang di antara kamu bangun pada pagi hari dalam keadaan berpuasa, maka janganlah dia mengucapkan kata-kata yang keji (tidak sopan) dan tidak pula melakukan perbuatan jahat. Jika ada orang bertindak kasar terhadapnya hendaklah dia berkata “saya sedang berpuasa, saya sedang berpuasa”.<sup>4</sup>

(Riwayat Muslim)

Baginda Rasul ﷺ juga bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(متفق عليه)

---

<sup>4</sup> No. Hadis: 1151. Lihat an-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya, (1996), *Syarah an-Nawawi 'ala Muslim*, Beirut: Dar as-Salam, j. 8, h. 217.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه berkata: Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapakan ganjaran pahala daripada Allah ﷻ, maka akan diampunkan segala dosanya yang terdahulu.<sup>5</sup>

(Muttafaq ‘alayh)

Maka dengan metode ini, umat Islam zaman salafussalih menghidupkan bulan Ramadan dengan berpuasa pada siangnya dalam keadaan penuh sabar dan *muraqabatullah* (merasakan diri sentiasa diperhatikan Allah ﷻ), merasa takut kepada-Nya, menjauhi segala perkara yang boleh menjejaskan pahala puasa dengan memelihara mulut, pandangan mata, kelakuan dan nafsu syahwat. Di samping itu, mereka juga memperbanyak amal kebajikan seperti sedekah, membantu orang-orang susah dan anak-anak yatim. Pada sebelah malam pula, mereka menghidupkannya dengan ibadat sunat seperti solat tarawih, tilawah al-Quran dan zikrullah.

Semua amalan ini, adalah berasaskan kepada amalan yang diteladani daripada Rasulullah ﷺ.

---

<sup>5</sup> No. Hadis: 38, Lihat al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (1993), *Shahih al-Bukhari*, Damsyik: Dar Ibn Katsir, j. 1, h. 22.

وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَجْوَدَ النَّاسِ بِالْخَيْرِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ وَكَانَ جِبْرِيلُ يَلْقَاهُ كُلَّ لَيْلَةٍ فِي رَمَضَانَ يَعْرُضُ عَلَيْهِ النَّبِيُّ ﷺ الْقُرْآنَ فَإِذَا لَقِيَهُ جِبْرِيلُ كَانَ أَجْوَدَ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ .  
(البخارى و مسلم)

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbas meriwayatkan, bahawa Rasulullah ﷺ adalah seorang yang paling dermawan dan baginda menjadi seorang yang lebih dermawan pada bulan Ramadan, maka ketika Malaikat Jibril menemui baginda pada setiap malam bulan Ramadan untuk tadarus (mengulang kaji) al-Quran bersama baginda, kedermawanan baginda itu melebihi angin yang berhembus bebas.<sup>6</sup>

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## Kenapakah Ramadan diberi kelebihan?

Bulan Ramadan dimuliakan kerana di dalamnya terdapat satu malam yang padanya diturunkan al-Quran. Malam itu dinamakan *lailah al-Mubarakah* yang bermaksud ‘malam yang diberkati’ sebagaimana firman Allah ﷻ yang berbunyi:

﴿حَمَّ ۝۱﴾ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿۲﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿۳﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿۴﴾

سورة الدخان ٤٤: اية ١-٤

<sup>6</sup> No. Hadis: 2098, Lihat at-Tabrizi, Muhammad bin Abdullah, (1985), *Mishkat al-Masabih*, Beirut: al-Maktab al-Islami, j. 1, h. 548.

Maksudnya:

Haa, Miim. Demi al-Quran Kitab yang menerangkan kebenaran. Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).

(Surah ad-Dukhan 44: 1-4)

Malam berkenaan juga dinamakan lailatulqadar iaitu malam kemuliaan atau malam yang tinggi kedudukannya.

Firman Allah ﷻ:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ ﴾

سورة القدر ٩٧: آية ١-٣

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatulqadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam lailatulqadar itu? Malam lailatulqadar lebih baik daripada seribu bulan.

(Surah al-Qadr 97: 1-3)

Bilamana kita berpuasa sebagai salah satu tanda bersyukur kita kepada Allah ﷻ atas nikmat penurunan al-Quran, maka puasa kita yang begini akan menjadi sebaik-baik cara atau jalan yang boleh menyampaikan kita kepada hidayah Allah ﷻ. Hidayah ini akan membentuk akhlak dan perilaku seseorang yang berpuasa. Puasa yang begini juga akan membawanya kepada hakikat takwa. Dengan berpuasa dalam erti kata yang sebenarnya, seseorang itu akan menginsafi maqam Tuhannya sehinggalah dia tidak akan sanggup melakukan sebarang perbuatan maksiat kepada-Nya.

## BAB 2

### PERISTIWA-PERISTIWA SEJARAH DALAM BULAN RAMADAN

---

Bulan Ramadan mempunyai kesan atau implikasi rohani yang besar kepada umat Islam. Kesan rohani ini dapat dirasai oleh setiap orang yang menjalani ibadah puasa dengan cara yang betul sepertimana yang disyariatkan.

Ramadan juga membawa banyak kenangan sejarah yang membanggakan umat Islam. Pelbagai peristiwa besar telah berlaku dalam bulan yang penuh berkat ini, antaranya peperangan Badar dan Pembukaan Kota Makkah.

Peperangan Badar telah berlaku pada bulan Ramadan tahun kedua Hijriah. Peperangan ini merupakan satu peristiwa yang amat bermakna bagi umat Islam oleh sebab ia telah menggegarkan singgahsana kebatilan serta mencabut akar umbi syirik di mana pihak kaum Muslimin telah mencapai kemenangan yang besar ke atas musuh-musuh mereka kaum musyrikin. Kisah kemenangan ini telah dirakamkan dalam firman Allah ﷻ:

﴿وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

سورة آل عمران ٣: آية ١٢٣

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Allah ﷻ telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit

bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah ﷻ, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

(Surah Ali 'Imran 3:123)

Peristiwa kedua yang telah berlaku dalam bulan Ramadan ketika Rasulullah ﷺ masih hidup ialah Pembukaan kota Makkah. Dengan peristiwa ini Allah ﷻ telah membersihkan rumah-Nya (Kaabah dan Masjidilharam) daripada kekotoran penyembahan berhala untuk dijadikan tempat tumpuan ibadah kepada-Nya sahaja. Inilah titik permulaan bagi dominasi atau kekuasaan umat Islam dan pengembangan dakwah Islamiah ke seluruh pelosok bumi kemudiannya. Allah ﷻ berfirman tentang peristiwa ini:

﴿إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾﴾

سورة الفتح ٤٨: اية ١

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuangan mu (wahai Muhammad) jalan kemenangan yang jelas nyata.

(Surah al-Fath 48:1)

Sebenarnya banyak lagi kemenangan besar yang telah dicapai oleh umat Islam dalam peperangan-peperangan yang berlaku dalam bulan Ramadan al-Mubarak seperti peperangan Tabuk, peperangan 'Ain Jalut, dan pembukaan Andalusia di Sepanyol di bawah pimpinan komander Tariq bin Ziyad.

## BAB 3 HIKMAH IBADAH PUASA

---

Tujuan ibadah puasa, sebagaimana dinyatakan sendiri oleh Allah ﷻ dalam al-Quran, ialah untuk mencapai takwa. Biasanya perkataan takwa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai takut. Sebenarnya terjemahan ini tidak tepat kerana takwa walaupun meliputi erti takut, tetapi maksudnya lebih luas. Ia merupakan satu perkataan ringkas yang sarat makna; mencakupi segala perasaan taat, patuh, rela, hormat, bersyukur di atas segala nikmat yang dikurniakan-Nya, mengenang budi dan jasa serta merealisasi segala sifat keagungan dan kesempurnaan Allah ﷻ. Takwa merupakan manifestasi keimanan yang bersemayam di hati seseorang.

Ibadah puasa dikerjakan dengan harapan seseorang dapat mencapai takwa dan menjadi seorang *muttaqi* (yang bertakwa). Inilah tujuan sebenar yang dikehendaki di sebalik ibadah puasa sebagaimana yang disebutkan di dalam firman Allah ﷻ

﴿... لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

سورة البقرة ٢: اية ٦٣

Maksudnya:

...supaya kamu bertakwa.

(Surah al-Baqarah 2:63)

Berikut merupakan beberapa hikmah dan rahsia ibadah puasa, antaranya:

### 1. Mendidik Nafsu dan Kebiasaan Diri

- a) Seorang yang menjalani ibadah puasa mendapati dirinya bersedia untuk melakukan perubahan daripada keadaan yang negatif kepada keadaan yang positif.
- b) Suatu kesempatan untuk mendidik diri dan masyarakat melalui:
  - contoh tauladan apabila kanak-kanak mencontohi orang dewasa dengan ikut berpuasa, manakala orang-orang dewasa pula meneladani Nabi Agung Muhammad ﷺ.
  - pengajian al-Quran dan hadis-hadis Nabi ﷺ.
  - kelas agama yang disiarkan menerusi radio dan televisyen.
  - program-program ceramah dan forum-forum agama yang diadakan di masjid-masjid dan surau-surau.

Kesemua ini amat penting sebagai persediaan untuk memperkasa diri seorang Muslim bagi menjalani kehidupan di dunia yang penuh dengan pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi. Tanpa persediaan yang secukupnya adalah dikhuatiri seseorang akan

gagal dan kecundang dalam menempuh pancaroba kehidupan yang kadang-kadang sukar diduga.

- c) Puasa mendidik dan melatih jiwa manusia supaya bersabar dalam menghadapi segala kesusahan dan kepayahan.

عَنْ رَجُلٍ مِنْ بَنِي سُلَيْمٍ قَالَ: عَقَدَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي يَدِهِ أَوْ فِي يَدِي  
فَقَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ نِصْفُ الْمِيزَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ وَاللَّهُ  
أَكْبَرُ تَمْلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَالظُّهُورُ نِصْفُ الْإِيمَانِ وَالصَّوْمُ  
نِصْفُ الصَّبْرِ.

(أحمد)

Maksudnya:

Dari seorang laki-laki Bani Sulaim ia berkata: Rasulullah ﷺ menghitung di tangannya atau di tanganku lalu bersabda: ‘SUBHANALLAH’ (Maha Suci Allah) adalah setengah mizan, ‘WAL HAMDULILLAH’ (Dan Segala Puji Bagi Allah) akan memenuhi timbangan, ‘WAALLAHU AKBAR’ (Dan Allah Maha Besar) akan memenuhi antara langit dan bumi. Bersuci adalah setengah daripada iman. Sedangkan puasa adalah setengah daripada kesabaran.<sup>7</sup>

(Riwayat Ahmad)

- d) Puasa berupaya mengubah adat kebiasaan diri melalui latihan pembersihan jiwa dan keazaman.

---

<sup>7</sup> No. Hadis: 17823, Lihat Ahmad bin Hanbal, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal, (1993), *Musnad Imam Ahmad*, Dar Ihya at-Turath al-‘Arabi, j. 4, h. 260.

Firman Allah ﷻ:

﴿قَدْ أَفْلَحَ مَنْ ذَكَرَهَا ﴿٩٠﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿٩١﴾﴾

سورة الشمس ٩١: ٩-١٠

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

(Surah asy-Syams 91: 9 - 10)

- e) Puasa menjadi benteng yang menahan godaan syaitan dan hawa nafsunya sendiri.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: الصِّيَامُ جُنَّةٌ فَلَا يَرُفُثُ وَلَا يَجْهَلُ وَإِنْ أَمْرٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ، مَرَّتَيْنِ.

(البخارى)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda: Puasa adalah perisai (atau pelindung), maka janganlah dia mengucapkan kata-kata yang keji (tidak sopan) dan tidak pula melakukan perbuatan jahat, jika ada orang bertindak kasar terhadapnya hendaklah dia berkata: saya sedang berpuasa. Dua kali.<sup>8</sup>

(Riwayat al-Bukhari)

<sup>8</sup> No. Hadis: 1894, Lihat al-Bukhari, Abdullah bin Mani', (2010), *Shahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ṭuq al-Najāt, j. 3, h./s 24. 1795

- f) Puasa juga mendidik dan melatih seorang Muslim supaya bersabar dan mampu mengawal perasaannya.

Seorang yang mudah naik berang kerana sebab-sebab yang remeh sebenarnya tidak faham makna puasa dan tidak terkesan dengan ibadah ini. Orang begini tidak akan mendapat manfaat yang diharapkan daripada ibadah puasa kerana dia sebenarnya tidak menjalani ibadah ini mengikut aturannya yang dikehendaki. Puasa sebenarnya bukanlah hanya menahan diri daripada makan, minum dan seks sahaja, malah menuntut supaya segala gerak geri, tindak tanduk, tutur kata, fikiran dan perasaan kesemuanya diselaraskan dengan aturan-aturan syarak dan kehendak agama. Inilah yang dimaksudkan dengan ‘takwa’ yang menjadi tujuan utama puasa.

Sebab itulah Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ  
وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشِرَابَهُ.

(البخارى)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata: Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka

Allah ﷻ tidak berhajat orang itu meninggalkan makan dan minumnya (tidak menerima puasanya).<sup>9</sup>  
(Riwayat al-Bukhari)

Ibadah puasa bukan sekadar melemahkan badan, meringankan berat badan atau mengubati penyakit seperti yang difahami oleh sesetengah orang. Namun, maksud sebenarnya ialah menambat diri seseorang manusia dengan Tuhannya iaitu dengan menumbuhkan dan menyuburkan potensi menahan diri serta mengawal nafsu syahwat semata-mata kerana taat kepada Allah ﷻ dan beribadah kepada-Nya.

## 2. Membentuk Akhlak Mulia

Pembentukan akhlak yang mulia atau budi pekerti adalah antara tujuan tertinggi bagi segala ibadah di dalam Islam; malah inilah juga tujuan pengutusan para rasul ﷺ termasuk Nabi Muhammad ﷺ sepertimana Baginda ﷺ sendiri menegaskan ini di dalam sebuah hadith yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ  
الْأَخْلَاقِ.

(البزّار)

---

<sup>9</sup> No. Hadis: 1804, Lihat al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (1993 ), *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir, j. 2, h. 673.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه daripada Nabi ﷺ bersabda: Sesungguhnya aku dibangkitkan hanya sanya untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia.<sup>10</sup>

(Riwayat al-Bazzar)

Ibadah ini juga mengajar seorang Muslim supaya berani menyatakan kebenaran serta memperjuangkannya secara jujur dan ikhlas. Ia mengajar dan mendidik seorang Muslim supaya berani mengatakan ‘tidak’ pada tempatnya. Ini disebabkan puasa membentuk sifat-sifat tegas dan berani dalam jiwa seorang Muslim sehingga dia sanggup menghadapi apa jua suasana tanpa rasa takut dan teragak-agak sedikit pun.

Pembentukan akhlak ini lebih ketara dalam ibadah puasa berbanding ibadah-ibadah yang lain kerana puasa menimbulkan dan menyuburkan potensi *muraqabah* yang dengannya seseorang yang berpuasa mewujudkan ‘pengawas’ atau ‘peguam cara’ ke atas dirinya sendiri. Potensi ini mengawal seseorang dari dalam hati nuraninya sendiri, lantas lahirlah daripadanya amalan-

---

<sup>10</sup> No. Hadis: 8949, Lihat al-Bazzar, *Musnad al-Bazzar*, Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hukm, j. 15, h.364.

amalan dan tindakan-tindakan luar yang tunduk kepada pengawas tersebut.

Nilai-nilai akhlak di dalam Islam merupakan kesatuan atau kesepaduan yang tidak boleh dibelah bahagi. Keikhlasan kepada Allah ﷻ ialah kemuncak dan pengikatnya.

**Barang siapa ikhlas kepada Allah ﷻ pasti akan ikhlas kepada manusia juga. Barang siapa ikhlas di dalam hatinya sudah tentu ikhlas dalam tindak tanduknya.**

Justeru, puasa merupakan salah satu faktor yang terpenting untuk pembentukan akhlak serta pengukuhannya dalam jiwa. Mungkin ada orang yang menyanggah di sini: “Nak berakhlak baik tidak perlu kepada puasa dan tidak perlu kepada apa jua ibadah!...”

Pengalaman dan pemerhatian kita menunjukkan bahawa akhlak yang dibentuk oleh agama bersifat tetap dan lebih kukuh daripada yang dicerna oleh sikap manusia kerana sebab-sebab tertentu. Akhlak yang dibangunkan oleh agama tidak bergoncang dengan tiupan angin dan badai, tidak cair dengan kepanasan matahari dan tidak bertukar warnanya kerana

kepentingan tertentu. Ia tidak boleh dieksploitasi oleh sesiapa untuk meraih keuntungan diri sendiri dan tidak boleh dijadikan slogan-slogan kosong yang bertukar ganti dari satu waktu kepada satu waktu yang lain.

Tetapi akhlak yang dibentuk oleh manusia adalah sebaliknya. Ia bersifat dangkal, tunduk kepada kepentingan manusia. Akur kepada kemahuan dan nafsu mereka. Ia mudah bertukar bentuk dan warna, tidak tetap dan tidak kekal.

Sebahagian kita barangkali pernah mendengar kisah bagaimana Sultan Salahuddin al-Ayyubi merawat musuhnya Richard the Lion Heart dan memberi makanan kepadanya di dalam Peperangan Salib dahulu. Ini tidak menghairankan kerana beliau dididik dengan ajaran Islam dan meneladani peribadi Rasulullah ﷺ.

### 3. Membina Kesatuan Ummah

Ibadah puasa menggambarkan kesatuan, kemesraan, keselarasan perpaduan dan persaudaraan umat Islam seantero dunia. Dalam bulan Ramadan, umat Islam dari Maghribi sampai ke Malaysia, malah umat Islam yang bermastautin di negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, di negara China dan lain-lain tempat di seluruh dunia ini, semuanya berpuasa. Semua mereka menahan diri daripada makan dan minum di samping memelihara diri masing-masing daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa atau yang boleh

menjejaskan pahalanya, sejak fajar menyingsing sehinggalah terbenamnya matahari. Begitu juga pada waktu malam sepanjang bulan yang mulia ini, umat Islam di pelbagai negara di dunia dengan tekunnya mengerjakan bermacam-macam jenis ibadah seperti solat tarawih, membaca atau bertadarus al-Quran, mendengar tazkirah dan lain-lain lagi.

Melalui cara ini puasa dan bulan Ramadan mencipta sejenis kesatuan antara seluruh umat Islam yang berpuasa; kesatuan amalan, perasaan, cita-cita dan tujuan!

Puasa mengajar umat Islam supaya bersatu padu secara amali atau praktikal. Walaupun puasa merupakan ibadah yang lebih menjurus kepada aspek kerohanian, namun ia (kerohanian Islam) tidak terpisah sama sekali daripada aspek sosial umat Islam. Puasa mempunyai pengaruh dan kesannya ke atas kehidupan kolektif masyarakat Islam. Ia boleh dilihat sebagai rantai penghubung yang kukuh di antara seluruh umat Islam.

#### 4. Mendidik Rohani, Psikologi dan Sosial

Menurut perspektif Islam, manusia ada jasad (tubuh kasar), ada minda, emosi dan roh. Kesemua aspek atau dimensi kemanusiaan ini diberi perhatian secukupnya dan ditangani dengan sempurna. Kesemua tenaga dan potensi ini dipergunakan dan dikembangkan secara

bersepadu untuk mewujudkan suatu keadaan yang seimbang dalam diri seseorang insan. Dengan keseimbangan ini dia dapat menjalani kehidupan dalam suasana aman dan tenteram yang mendorongnya menunaikan tanggungjawab dengan rela dan ceria.

Puasa terutamanya puasa Ramadan, jika ditunaikan menurut cara-cara dan aturan-aturan yang digariskan oleh syariat, akan membekaskan kesan yang nyata dalam mengembangkan potensi-potensi kemanusiaan ini.

Dilihat dari sudut kerohanian, ibadah puasa amat jelas memainkan peranan yang amat berkesan dalam menyuburkannya. Khususnya, jika seseorang memahami hakikat kejadiannya sebagai makhluk Allah ﷻ yang dimuliakan dengan bekalan rohaniah dari sisi-Nya sehingga para malaikat pun diperintah sujud menghormati *prototaipnya* (manusia pertama) Nabi Adam ﷺ sepertimana dikisahkan dalam ayat al-Quran yang berikut:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّيْ خَلِقُ بَشَرًا مِّنْ صَلٰوٰتٍ مِّنْ حَمَإٍ  
مَّسْنُوْنٍ ﴿٢٨﴾ فَاِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيْهِ مِنْ رُّوْحِيْ فَقَعُوْا لَهٗ  
سٰجِدِيْنَ ﴿٢٩﴾﴾

سورة الحجر ١٥: ٢٩-٢٨

Maksudnya:

Dan (ingatlah peristiwa) ketika Tuhan mu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya serta Aku telah tiupkan padanya roh dari (ciptaan)-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

(Surah al-Hijr 15: 28 – 29)

Tenaga rohani merupakan potensi yang paling kuat pada diri seorang manusia dan yang paling banyak mempengaruhi kehidupannya. Oleh kerana itulah Allah ﷻ menuntut kepada seorang Muslim supaya sentiasa mengadakan hubungan dengan-Nya. Ibadah bolehlah diibaratkan sebagai stesen-stesen yang membekalkan tenaga rohani bagi seorang Muslim. Bekalan rohani inilah yang akan mempengaruhi tingkah laku dan adat kebiasaannya.

#### 5. Mengimbangi Kepentingan Jasmani Dan Rohani.

Antara hikmah lain yang terkandung dalam ibadah puasa ialah mengadakan perubahan. Puasa membekalkan individu dan masyarakat Islam dengan tenaga dan keupayaan untuk mengubah situasi yang negatif kepada yang positif.

Islam ialah agama fitrah yang sesuai lagi serasi dengan tabiat semula jadi manusia. Segala naluri dan emosi manusia dapat disubur dan dikembangkan secara seimbang tanpa tekanan dan penyeksaan. Jika ada agama-agama atau fahaman-fahaman lain mengajar para pemeluknya supaya menyeksa tubuh untuk membangun rohani, atau melarang mereka daripada menikmati makanan-makanan yang lazat untuk membentuk rohani, Islam tidaklah demikian.

Islam mengajar para penganutnya bahawa tubuh dan roh masing-masing ada haknya. Tubuh ada haknya dan jasad juga ada haknya. Kedua-duanya mesti dilayan secara seimbang dan sederhana. Tiada mana-mana aspek yang mencerooboh hak yang satu lagi. Sehubungan ini Allah ﷻ berfirman:

﴿وَاتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا...﴾<sup>(٧٧)</sup>

سورة القصص ٢٨: اية ٧٧

Maksudnya:

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah ﷻ kepada mu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagian mu (keperluan dan bekalan mu) daripada dunia...

(Surah al-Qasas 28: 77)

Sebenarnya keseimbangan antara kepentingan-kepentingan rohani (spiritual) dan jasmani (fizikal) perlu dicapai demi kebahagiaan manusia. Sepanjang tahun kebanyakan manusia sentiasa sibuk menurut kemahuan jasad dan memenuhi tuntutan-tuntutannya. Ertinya mereka sentiasa sibuk melayan kehendak aspek kehaiwanan diri sahaja!

Apabila tibanya Ramadan, seorang Muslim mendisiplinkan dirinya dengan peraturan-peraturan baru di mana rohnya diberi kesempatan untuk mendominasi jasadnya. Maka dengan itu berlakulah satu perubahan di dalam kehidupan seorang yang berpuasa; perubahan daripada kehidupan kebendaan dan kehaiwanan kepada kehidupan rohani yang murni.

## BAB 4

### RAMADAN DAN AL-QURAN

---

Puasa bulan Ramadan dan kitab suci al-Quran mempunyai hubungan yang erat dan tidak boleh dipisahkan di antara satu dengan yang lain. Ibadah puasa diwajibkan ke atas umat Islam dalam bulan Ramadan. Di dalam bulan inilah juga al-Quran diturunkan ke atas Nabi Muhammad ﷺ sebagaimana yang difirmankan Allah ﷻ:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ  
مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ...﴾ (١٨٥)

سورة البقرة ٢: اية ١٨٥

Maksudnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Juga firman-Nya:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾﴾

سورة القدر ٩٧: اية ١

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatulqadar.

(Surah al-Qadr 97: 1)

Seluruh umat Islam yakin bahawa al-Quran merupakan wahyu Allah ﷻ yang terakhir dan ia diturunkan untuk menjadi panduan dan pedoman hidup manusia. Fakta-fakta yang terkandung dalam al-Quran merupakan fakta-fakta yang tepat dan tetap selamanya. Hal ini dapat dibuktikan sama ada dari sudut sejarah mahupun ilmiah.

Walaupun sains berkembang begitu pesat terutama dalam abad kedua puluh yang lalu dan dijangka akan terus maju di dalam abad kedua puluh satu ini, namun apa yang terbukti kebenaran al-Quran tidak dapat disanggah oleh sains moden. Tiada satu pun fakta tentang alam semesta yang disebutkan dalam al-Quran yang didapati bercanggah dengan apa yang ditemui oleh sains moden.

Bahkan sebaliknya, semakin sains maju semakin pula terbukti kebenaran kitab Ilahi ini. Tidak seperti kitab lain yang dianggap oleh pihak-pihak tertentu sebagai kitab suci yang diwahyukan, padahal ia dipenuhi dengan unsur-unsur aneh yang tidak dapat diterima oleh akal dan tidak dapat disesuaikan dengan perkembangan sains moden.

Di sini kita tidaklah bermaksud hendak membuat perbandingan antara al-Quran dengan kitab-kitab suci agama lain. Kita hanya ingin menarik perhatian umat Islam tentang keagungan al-Quran agar mereka kembali berusaha memahaminya serta menghayatinya. Kita mempunyai keyakinan bahawa dengan memahami dan menghayati al-Quran sahajalah umat Islam akan dapat mengembalikan keagungan mereka untuk memainkan peranan yang besar lagi berat; untuk menerajui dunia ini ke arah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan hidup.

Dunia yang semakin kacau bilau, tenat dan bercelaru, dunia yang menghadapi pelbagai masalah dan penyakit pada masa kini memerlukan kepada kepimpinan umat Islam berpandukan suluhan wahyu dalam al-Quran. Sudah jelas buktinya bahawa umat lain sama ada di timur mahupun di barat telah gagal memimpin dunia ini. Mereka gagal kerana tidak memiliki sumber bimbingan dan panduan yang sebenar. Mereka masih lagi merabab-raba mencari kebenaran. Justeru mereka tidak memiliki sumber yang asli lagi sahih bagi wahyu Tuhan yang sempurna, maka kita lihat mereka mencipta pelbagai teori untuk kehidupan manusia.

Bila teori-teori ini diimplementasikan maka timbullah pelbagai masalah yang tidak diduga oleh mereka atau yang tidak dijangkakan. Akibatnya dunia kian bercelaru dan porak-peranda. Inilah kelemahan teori-teori yang diciptakan oleh manusia yang lemah!

Umat Islam mampu mengubah keadaan hidup mereka dan akan melayakkan mereka tampil mengendalikan teraju kepimpinan dunia ini ke arah keamanan dan kebahagiaan dengan penghayatan al-Quran secara utuh dan sempurna.

Mungkin ada orang yang menganggap hal ini sebagai satu impian kosong! Tetapi kita percaya dan yakin ia boleh dilakukan oleh umat Islam sekiranya mereka mempunyai keikhlasan dan kesungguhan dan sekiranya mereka memiliki cita-cita besar serta hemah yang tinggi.

Bagaimanapun untuk merealisasikan cita-cita yang besar ini umat Islam perlulah terlebih dahulu kembali kepada ajaran-ajaran agama mereka yang sebenar. Mereka perlu terlebih dahulu berusaha memahami ajaran-ajaran itu daripada sumber-sumbernya yang asli lagi sah, diikuti dengan penghayatan yang serius.

Perlulah difahami bahawa sesuatu itu hidup kerana mempunyai roh dan tenaga; tanpa roh dan tenaga sesuatu itu menjadi kaku, beku dan mati. Begitulah dengan penghayatan al-Quran. Ia mesti menampakkan ‘pergerakan’ yang aktif dalam kehidupan umat Islam. Tanpa pergerakan atau tanpa ‘dinamisme’ bererti penghayatan al-Quran tidak berlaku.

Sehubungan itu, Allah ﷻ berfirman:

﴿وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ  
وَلَكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَتَهْدَى إِلَى صِرَاطٍ  
مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾﴾

سورة الشورى ٤٢: اية ٥٢

Maksudnya:

Dan Demikianlah Kami wahyukan kepada mu (Muhammad) – al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati) perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepada mu); apakah Kitab (al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan al-Quran; cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) memberi petunjuk dengan al-Quran itu ke jalan yang lurus.

(Surah asy-Syura 42: 52)

Oleh sebab roh merupakan rahsia kehidupan sesuatu maka kita perlu sentiasa memberi perhatian kepada al-Quran dalam erti kata sentiasa membacanya, mengkajinya untuk mendalami ilmu pengetahuan kita tentangnya serta melaksanakan segala ajarannya di dalam segenap aspek kehidupan kita; baik kehidupan peribadi mahupun masyarakat.

## 1.Nuzul al-Quran

Al-Quran diturunkan pada mulanya dari lohmahfuz ke langit dunia pada malam Qadar atau lailatulqadar. Kemudian di turunkan secara beransur-ansur selama lebih kurang 23 tahun ke atas Nabi Muhammad ﷺ. Penurunan al-Quran dari lohmahfuz ke langit dunia pada malam lailatulqadar itu dinyatakan Allah ﷻ dengan firman-Nya:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ ﴾

سورة القدر ٩٧: آية ١

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatulqadar.

(Surah al-Qadr 97: 1)

Di tempat lain Allah ﷻ berfirman:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾ ﴾

سورة الدخان ٤٤: آية ٣-٤

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat

itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandung hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).

(Surah ad-Dukhan 44: 3-4)

Malam berkenaan dinamakan ‘malam qadar’ yang berarti malam kemuliaan dan kebesaran, malam yang tinggi kedudukannya (‘malam qadar’ lebih baik daripada seribu bulan).

Sebenarnya penurunan al-Quran merupakan satu nikmat yang amat besar dikurniakan Allah ﷻ kepada umat Islam. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Allah ﷻ di dalam firman-Nya:

﴿يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ  
كَثِيرًا مِّمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ  
كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ ﴿١٥﴾  
يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ  
وَيُخْرِجُهُم مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ  
إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾﴾

سورة المائدة ٥: آية ١٥-١٦

Maksudnya:

Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad ﷺ) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-

keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (al-Quran) itu Allah ﷻ menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaannya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka daripada gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

(Surah al-Ma'idah 5: 15-16).

Sebelum penurunan al-Quran, dunia seluruhnya diliputi kegelapan. Ketika itu bangsa Arab merupakan bangsa jahiliyah. Mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan, tidak mempunyai akhlak yang mulia, tidak beragama dengan agama yang benar dan tidak bertamadun. Bangsa-bangsa lain juga mengalami keadaan yang tidak kurang jahiliyah daripada orang-orang Arab. Memang tamadun pernah wujud di beberapa bahagian bumi ini seperti tamadun Mesir, Mesopotamia, Greek, Rom, China dan lain-lain. Tetapi manfaat tamadun-tamadun tersebut hanya dinikmati oleh segelintir golongan tertentu sahaja iaitu golongan bangsawan; sedangkan majoriti rakyat jelata diperhambakan serta dieksploitasi oleh golongan

bangsawan dan para pembesar yang berkuasa untuk kepentingan mereka.

Apabila al-Quran diturunkan ia telah memulakan satu revolusi ilmu pengetahuan dengan membebaskan akal fikiran manusia daripada kebekuan dan kejumudan. Al-Quran telah membuka kotak minda manusia dan menolaknya ke arah pengajian dan penyelidikan. Ia mengajak akal manusia menyelidik rahsia-rahsia alam semesta di samping membebaskannya daripada tahyul dan khurafat.

Selanjutnya penurunan al-Quran juga merupakan satu revolusi sosial yang menghapus kebatilan, memerdekakan masyarakat daripada orang-orang zalim yang menindas rakyat jelata; orang-orang zalim yang mengagihkan kekayaan negara antara sesama mereka sahaja dan membiarkan rakyat hidup dalam kemiskinan, kelaparan dan kepapaan.

Penurunan al-Quran juga merupakan satu revolusi politik yang telah mengubah bangsa Arab daripada masyarakat Badwi yang memelihara kambing biri-biri di padang pasir lalu menjadi pemimpin-pemimpin dunia, mendorong mereka membina tamadun unggul yang telah memberi sumbangan-sumbangan besar kepada dunia.

## 2. Lailatulqadar

Malam Qadar atau lailatulqadar seharusnya dapat menyuluh roh dan hati kita dengan sinaran keberkatan dan hidayah Ilahi. Amatlah malang jika seseorang gagal mencapai keberkatan dan hidayah Ilahi pada malam yang diberi kelebihan yang begitu banyak. Sepertimana yang difahami daripada firman Allah ﷻ yang berbunyi:

﴿لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ﴾

سورة القدر ٩٧: آية ٣

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatulqadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam lailatulqadar itu? Malam lailatulqadar lebih baik daripada seribu bulan.

(Surah al-Qadr 97: 3)

Rasulullah ﷺ menggalakkan umatnya menghidupkan malam-malam bulan Ramadan (*ihya' layali Ramadan*) dengan qiamullail (mengerjakan solat sunat tarawih, tahajud dan lain-lain), membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya) bagi memperoleh keberkatan dan hidayah Ilahi. Baginda sendiri dilaporkan bertungkus-lumus mengerjakan ibadah pada malam-malam tersebut dan mengejutkan ahli-ahli keluarganya untuk sama-sama berbuat demikian.

Pada sepuluh terakhir bulan Ramadan terutama pada malam-malam yang ganjil iaitu malam 21, 23, 25, 27 dan 29, umat Islam digalakkan beriktikaf di dalam masjid sebagai menghayati *muraqabatullah* serta menumpukan ibadah kepada-Nya. Bagi mereka yang berkelapangan eloklah mengambil kesempatan untuk mencari fadilat (keutamaan) ibadah iktikaf ini.

## **BAB 5:** **MUHASABAH AKHIR RAMADAN**

---

Pada penghujung bulan Ramadan, individu dan umat Islam perlulah bermuhasabah bagi memikirkan serta menilai semula segala amalan yang telah dilaksanakan sepanjang bulan tersebut. Tujuannya ialah untuk memastikan sejauh manakah mereka telah berjaya mencapai sasaran segala ibadah dan kebajikan sebagaimana yang dikehendaki.

Adakah mereka telah berjaya memenuhi hak-hak bulan yang mulia lagi diberkati ini? Adakah kewajipan puasa dan amalan-amalan sunat telah dikerjakan sepertimana yang sepatutnya? Jika amalan-amalan itu telah dikerjakan dengan sempurna daripada segi syarat dan rukunnya, adakah ianya dilaksanakan dengan niat yang betul iaitu semata-mata mencari keredaan Allah ﷻ?

Setiap amalan dalam Islam dinilai dari sudut niat yang ikhlas serta ketepatan amalan menurut syariat. Kemudian, adakah amalan-amalan dan ibadah-ibadah itu meninggalkan bekasnya dalam pembentukan peribadi seseorang Muslim sebagai manusia yang bertakwa? Justeru, ibadah dalam Islam bukan semata-mata melaksanakannya sahaja tetapi ia juga merupakan saluran atau wasilah untuk membentuk peribadi yang bertakwa sepertimana firman Allah ﷻ:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾﴾

سورة البقرة ٢: اية ٢١

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa.

(Surah al-Baqarah 2: 21)

Malah perkataan takwa itu sendiri merangkumi pelbagai maksud yang menjurus kepada keikhlasan, ketulusan hati, pembentukan hati dan jiwa yang bersih supaya segala amalan diterima oleh Allah ﷻ. Ibadah dan amalan yang tidak berperanan membersihkan dan menyucikan jiwa serta tidak meninggalkan kesan dalam pembentukan peribadi yang luhur merupakan ibadah yang tiada nilainya.

Allah ﷻ berfirman mengenai ibadah solat:

﴿...وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْعُقُونَ ﴿٤٥﴾﴾

سورة العنكبوت ٢٩: اية ٤٥

Maksudnya:

Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-'Ankabut 29: 45)

Solat yang didirikan dengan niat yang ikhlas dan menepati syarat, mampu memberi implikasi dalam pembentukan peribadi individu.

Setelah sebulan lamanya bersama Ramadan, akhirnya tiba saat perpisahan dengan bulan yang mulia lagi diberkati ini. Berbahagialah sesiapa yang berjaya mengambil kesempatan daripada kehadiran Ramadan untuk berbakti dan beramal ibadah sambil mengharapkan *dividen* pahalanya semakin bertambah di sisi Allah ﷻ *Rabb al-Jalil*.

Orang yang dapat merasakan kemanisan iman dan takwa dengan amalannya sepanjang Ramadan tidak akan merasa cukup dengan apa yang telah dikerjakannya. Mereka mengharapkan untuk bertemu lagi Ramadan seterusnya supaya dapat mencukupkan apa yang dirasakan masih kurang atau dimantapkan lagi apa yang dianggap masih belum sempurna.

## **BAB 6**

### **SUSULAN RAMADAN**

---

Setiap kali bulan Ramadan berlalu dan bulan Syawal pula menjelang, setiap individu Muslim perlu bertanya kepada diri sendiri: Apakah sesudah Ramadan? Apakah yang perlu dilakukan sekarang dan selepas ini? Serentak dengan itu perlu dipertanyakan juga: Apakah kesan segala amal ibadah dan kebajikan yang telah dikerjakan sepanjang bulan Ramadan di dalam hati dan peribadi setiap Muslim?

Sepanjang bulan Ramadan umat Islam berusaha menunaikan pelbagai ibadah yang fardu dan sunat bagi menghampirkan dirinya kepada Tuhan. Namun, setelah berakhirnya bulan puasa, segelintirnya ada yang kembali semula kepada cara dan gaya hidup sebelum Ramadan. Mereka kembali semula kepada cara dan gaya hidup menurut runtunan nafsu syahwat yang bertentangan dengan syariat. Mereka meninggalkan suruhan Allah ﷻ dan melakukan larangan-Nya.

**Bulan Ramadan berdamping dengan Allah ﷻ, selepas Ramadan berdamping dengan syaitan!**

Kesemua ini menunjukkan bahawa segala ibadah dan kebajikan yang telah dikerjakan sepanjang bulan Ramadan tidak berbekas di dalam hatinya. Orang begini sebenarnya telah gagal mencapai maksud takwa yang dikehendaki daripada ibadah puasa yang tersimpul di dalam ungkapan suci:

﴿... لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾﴾

سورة البقرة ٢: ٦٣

Maksudnya:

...supaya kamu bertakwa.

(Surah al-Baqarah 2:63)

Seorang Muslim dan mukmin yang berjaya mencapai maksud takwa ialah seorang yang betul-betul kembali kepada Allah ﷻ dengan bertaubat nasuha; iaitu taubat dalam erti kata yang sebenarnya, taubat yang mampu membersihkan hati nuraninya dan peribadinya daripada segala dosa dan maksiat.

Bukan sesuatu yang pelik jika seorang manusia melakukan kesalahan kerana terlupa atau disebabkan kelemahan tertentu yang tidak mampu diatasinya. Tetapi yang peliknya ialah orang yang berterusan melakukan dosa dan hidup bergelumang dengan maksiat namun masih enggan bertaubat.

Agama kita amat mengakui bahawa manusia pasti tidak dapat mengelak daripada melakukan dosa dan kesalahan, tetapi agama kita juga mengajar bahawa Allah

ﷻ Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Allah ﷻ sentiasa bersedia memaafkan hamba-hamba-Nya dan menerima taubat mereka setelah mereka insaf dan kembali kepada-Nya.

Contohnya, Allah ﷻ telah menerima taubat Nabi Adam ﷺ sepertimana firman-Nya:

﴿فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ رَبِّهِءَ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾﴾

سورة البقرة ٢: آية ٣٧

Maksudnya:

Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah ﷻ memberi taubatnya; sesungguhnya Allah ﷻ, Dialah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.

(Surah al-Baqarah 2: 37)

Tingkat keimanan yang tertinggi di dalam Islam ialah ihsan dan mereka yang mencapai martabat ini dinamakan *muhsinin*. Golongan ini amat dikasihi Allah ﷻ seperti firman-Nya Nya:

﴿...إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾﴾

سورة المائدة ٥: آية ١٣

Maksudnya:

...kerana sesungguhnya Allah ﷻ suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.

(Surah al-Ma'idah 5: 13)

Namun pencapaian tahap keimanan yang begitu tinggi tidaklah bererti golongan ini tidak melakukan kesalahan. Mereka tetap melakukan kesalahan kerana tersilap atau disebabkan oleh kelemahan manusia. Bezanya mereka cepat insaf dan lantas memohon keampunan daripada Allah ﷻ. Firman Allah ﷻ:

﴿ وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

سورة آل عمران ٣: آية ١٣٥

Maksudnya:

Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah ﷻ lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah ﷻ -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

(Surah Ali 'Imran 3: 135)

## Aidilfitri – Hari Raya Fitrah

Perjuangan melawan nafsu yang telah diharungi selama sebulan sepatutnya dapat membersihkan hati dan jiwa seseorang Muslim dan mengembalikannya kepada fitrah (kebersihannya yang asal).

Hari Raya Fitrah atau Aidilfitri membawa pengertian kembali semula kepada fitrah yang mengenal Allah ﷻ sebagaimana yang ditegaskan di dalam sebuah hadis yang bermaksud:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ.

(البخارى)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata: Nabi ﷺ bersabda: Setiap anak dilahirkan atas fitrah, maka ibu dan bapanyalah yang memasukkannya ke dalam agama Yahudi atau Nasrani atau Majusi.<sup>11</sup>

(Riwayat Bukhari)

Pada Hari Raya Fitrah ini umat Islam mengucapkan selamat tinggal kepada 'Ramadan' yang telah memberi banyak manfaat. Ramadan juga telah mengajar mereka

---

<sup>11</sup> No. Hadis: 1385, Lihat al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1993), *Shahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir, j. 1, h. 465.

bagaimana menyucikan hati dan jiwa daripada segala kekotoran yang menutup pancaran rohani dan menimbus fitrah diri seseorang.

Haruslah difahami, kegembiraan umat Islam pada hari lebaran ini kerana mereka menyambut kemenangan setelah berjuang dengan gigih selama sebulan menentang nafsu, bagi mematuhi perintah Allah ﷻ dan mencari keredaan-Nya.

Kesedaran kepada hakikat ini, kefarduan pengeluaran zakat fitrah merupakan kemuncak yang melambangkan penyucian diri dan kembali semula kepada fitrahnya yang asal.

Kedatangan awal Syawal seharusnya setiap individu Muslim memperbaharui tekad dan azam untuk meneruskan jihad suci bagi mendaulatkan agama Allah ﷻ dalam kehidupan masing-masing.

Hari raya juga merupakan satu kesempatan yang paling baik bagi umat Islam memperbaharui persahabatan antara sesama mereka sekiranya ia telah pudar kerana sebab tertentu, satu kesempatan juga untuk mereka memperteguh lagi silaturahim antara mereka sekiranya ia telah kendur kerana faktor-faktor tertentu.

Umat Islam mesti mengingatkan diri masing-masing kepada persaudaraan Islam yang berpaksikan kesatuan 'aqidah dan umat yang mengatasi batas-batas

keturunan, kedudukan sosial, warna kulit dan perkiraan-perkiraan duniawi yang lain.

Firman Allah ﷻ:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾﴾

سورة الحجرات ٤٩: ١٣

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ﷻ ialah orang yang paling lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah ﷻ Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat 49: 13)

Rasanya tidak perlu diperingatkan lagi bahawa persaudaraan Islam tidak ditegakkan atas perkongsian darah, keturunan atau bangsa, tetapi ia ditegakkan di atas 'aqidah dan prinsip hidup yang sama. Persaudaraan yang dibina di atas landasan 'aqidah inilah yang mengikat hati dan jiwa umat Islam di seluruh dunia dan yang

mengeratkan ikatan perpaduan dan kesetiakawanan antara mereka.

Bagi umat Islam ikatan persaudaraan dan perpaduan antara mereka bukan sahaja satu keperluan untuk memelihara kepentingan bersama di dalam pelbagai lapangan kehidupan, tetapi ia juga merupakan satu tuntutan agama mereka yang wajib dilaksanakan. Untuk merealisasikan kewajipan ini umat Islam perlu mengurangkan sedaya mungkin sikap keakuan yang mengutamakan kepentingan diri sendiri atau bangsa sendiri atau negara sendiri atas kepentingan umat secara keseluruhan.

Sebaliknya umat Islam perlu menyuburkan seberapa yang boleh sikap dan semangat kekitaan yang mengutamakan maslahat ummah atas diri sendiri, bangsa dan negara sendiri. Mereka mestilah faham bahawa jika kepentingan ummah dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya maka secara automatiknya kepentingan setiap individu Muslim dan negara Islam akan terjamin.

## Penutup

---

Demikianlah paparan serba ringkas tentang rahsia dan hikmah yang terkandung di dalam Ramadan dan kelebihan ibadah puasa yang diwajibkan Allah ﷻ ke atas hamba-hamba-Nya yang beriman pada bulan yang mulia lagi diberkati ini. Turut dihuraikan juga ialah mengenai fadilat amalan-amalan sunat yang disarankan kepada umat Islam mengerjakannya dalam bulan berkenaan.

Ibadah-ibadah ini jika dilaksanakan dengan cara yang betul lagi sempurna tidak syak lagi akan mampu berperanan membekalkan tenaga rohani yang hebat dalam diri seorang Muslim dan mendorongnya ke arah melakukan perubahan-perubahan dalam peribadinya. Jika sekalian umat Islam atau majoritinya mengerjakan segala ibadah dan amalan kerohanian seperti ini maka sudah pastilah kesannya yang positif dan konstruktif akan merebak ke dalam pelbagai sektor masyarakat, negara dan ummah.

Selain itu, huraian di atas juga memperlihatkan kepada kita bahawa puasa terutamanya puasa Ramadan mampu mendidik dan melatih diri seorang Muslim menjadi individu yang berakhlak mulia, mempunyai azam yang kuat, ikhlas dan berani. Ibadah ini juga dapat

membentuk peribadi yang seimbang daripada aspek rohani dan jasmani.

Memandangkan bahawa amal ibadah Islam, yang wajib mahupun yang sunat, amat bermanfaat bagi individu, masyarakat dan negara, maka ia nya perlulah diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Usaha-usaha membangun hati nurani rakyat jelata dengan iman dan takwa perlu dilakukan secara serius dan intensif menerusi penyemaian dasar-dasar agama serta penerapan nilai-nilai akhlak dalam jiwa sejak usia kanak-kanak dan remaja lagi.

Pihak kerajaan, institusi-institusi pendidikan di segenap peringkat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, media massa, pimpinan masyarakat dan lain-lain lagi perlulah berganding tenaga dan bekerjasama ke arab menggalakkan kanak-kanak dan remaja khususnya untuk menunaikan amal ibadah sama ada yang wajib ataupun yang sunat dengan menggunakan pelbagai cara dan sarana yang mampu disediakan. Semoga hasrat untuk melihat umat Islam kembali menduduki posisinya yang sebenar di dalam kepimpinan dunia dan pembinaan tamadun yang gemilang akan tercapai juga akhirnya, insya-Allah!

## Rujukan

---

- Ahmad bin Hanbal, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal, (1993), *Musnad Imam Ahmad*, Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Bazzar, *Musnad al-Bazzar*, Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hukm.
- Al-Bukhari, Abdullah bin Mani’, (2010), *Şahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ṭuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (1993), *Şahih al-Bukhari*, Damsyik: Dar Ibn Katsir.
- Al-Khin Mustafa, Al-Bugha Mustafa, Asy-Syarbaji Ali, ptj. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri *et al.*, (2013), *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- An-Naisaburi, Abu Bakar Muhammad bin Ishak, (t.t), *Şahih Ibnu Khuzaimah*, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- An-Nasa’i, Ahmad bin Syuaib, (1994), *Sunan an-Nasa’i*, Halab: Maktab al-Matbu’ah al-Islamiyyah.
- An-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya, (1996), *Syarah an-Nawawi ‘ala Muslim*, Beirut: Dar as-Salam.

At-Tabrizi, Muhammad bin Abdullah, (1985), *Mishkat al-Masabih*, Beirut: al-Maktab al-Islami.

Ibnu Khuzaimah, Abu Bakar Muhammad bin Ishak, (2003), *Ṣahih Ibnu Khuzaimah*, Beirut: al-Maktab al-Islami.

Laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/>.